

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Monday, January 11, 2016 8:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: PERKHIDMATAN KAUNSELING DI PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

11 JANUARI 2016, ISNIN | 1 RABIULAKHIR 1437H



PUSAT KAUNSELING: Pada 6 Januari 2016, dua orang Pegawai Psikologi telah mengadakan sesi taklimat berkenaan perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Kaunseling kepada 143 orang pelajar

Pusat Asasi Pengurusan Universiti Utara Malaysia. Antaranya adalah sesi kaunseling individu dan kelompok, sesi perundingan, Penaksiran Ujian Psikologi, program pembangunan sendiri, penyampaian, Latihan Dalam Kumpulan dan Sekretariat Pembimbing Rakan Siswa (PRS).

Selain itu, mulai Januari 2016 Pegawai Psikologi juga telah ditempatkan di Pusat Asasi Pengurusan pada setiap hari Selasa dan Rabu. Hal ini akan memudahkan lagi para pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang disediakan. Walau bagaimanapun, para pelajar masih boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling pada hari-hari lain di Pusat Kaunseling.

Diharapkan dengan adanya kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar dalam pencapaian akademik yang cemerlang dan keseimbangan kemahiran insaniah secara holistik.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4031

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

